Experts

Pematuhan Akta 605: Tanggungjawab Bersama Memelihara Integriti dan Tatakelakuan Warga Universiti

Fri, 10/23/2026 - 15:52

Integriti merupakan asas penting dalam membentuk perkhidmatan awam yang beretika dan bertanggungjawab. Setiap pegawai bukan sahaja dituntut melaksanakan tugas dengan cemerlang, malah perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan, antaranya Akta 605.

Akta 605 ialah Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000, iaitu:

i. Akta yang memperuntukkan perkara-perkara yang berkiatan dengan tatatertib dan surcaj yang boleh dikenakan ke atas pegawai badan berkanun;

ii. Mengandungi senarai tatakelakuan yang perlu dipatuhi oleh setiap pegawai yang berkhidmat di sesebuah badan berkanun; dan

iii. Pelanggaran mana-mana tatakelakuan oleh seseorang pegawai badan berkanun boleh menyebabkannya dipertimbangkan untuk tindakan tatatertib.

Pematuhan terhadap Akta 605 adalah tanggungjawab setiap pegawai yang perlu memahami kewajipan tatakelakuan masing-masing, manakala Ketua Jabatan bertanggungjawab membantu memastikan pematuhan diterapkan dalam amalan kerja harian.

Memahami Kewajipan Tatakelakuan di Bawah Akta 605

Peraturan 3(1) menetapkan kewajipan pegawai memberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Yang di-Pertuan Agong, negara, kerajaan dan badan berkanun. Sementara itu, Peraturan 3(2) menetapkan larangan terhadap pelbagai bentuk tingkah laku, antaranya termasuk membelakangkan kewajipan rasmi demi kepentingan peribadi, berkelakuan tidak jujur atau tidak amanah, ingkar perintah dan cuai dalam pelaksanaan tugas.

Ketetapan lain secara terperinci turut dinyatakan dalam Kod Etika, Tatakelakuan dan Percanggahan Kepentingan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) yang merupakan satu panduan kepada semua warga UMPSA dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab seharian antaranya:

1. Tatacara Berpakaian di Tempat Kerja

2. Kehadiran Bertugas

3. Kerahsiaan Perkara Terperingkat

4. Pemilikan dan Perisytiharan Harta

5. Keterhutangan Kewangan Yang Serius
6. Pekerjaan Luar
7. Kegiatan Politik
8. Pernyataan Awam
9. Penerimaan dan Pemberian Hadiah
10. Penerimaan dan Pemberian Keraian
11. Konflik Kepentingan
12. Gangguan Seksual
13. Penyalahgunaan Dadah
14. Kegiatan Jenayah
15. Pengaruh Luar
16. Perlakuan Rasuah

(Rujukan : https://edasar.umpsa.edu.my/canseleri/unit-integriti-pematuhan/polisi-g…)

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

KOD ETIKA, TATAKELAKUAN DAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

INTEGRITI DIJIWAI, ETIKA DIAMALKAN, KECEMERLANGAN DIDEPANI

1 PENDAHULUAN

Etika dan tatakelakuan merupakan elemen asas yang memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah serta tingkah laku individu dalam pelbagai aspek kehidupan.

Pengamalan etika dan pematuhan terhadap tatakelakuan yang baik bukan sahaja dapat memastikan kelancaran urusan, malah turut menyumbang kepada pembentukan persekitaran yang berintegriti, berdisiplin dan profesional.

Sehubungan dengan itu, pemahaman dan penghayatan terhadap etika dan tatakelakuan adalah amat penting bagi memastikan keharmonian serta kepercayaan dapat dipelihara dalam setiap hubungan dan tanggungjawab yang dilaksanakan.

2 TUJUAN

Kod Etika, Tatakelakuan dan Percanggahan Kepentingan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) ini merupakan satu panduan kepada semua warga UMPSA dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab seharian.

3 OBJEKTIF

Kod Etika, Tatakelakuan dan Percanggahan Kepentingan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) bertujuan untuk:

1. Memastikan bahawa nilai integriti menjadi teras utama bagi semua warga UMPSA;
2. Mengutamakan ketelusan di dalam setiap urusan sama ada di dalam atau luar UMPSA;
3. Menjadikan warga UMPSA sebagai warga organisasi yang dipercayai dan menjadi contoh kepada pihak luar; dan
4. Mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni dan kondusif bagi meningkatkan kecemerlangan prestasi warga UMPSA.

4 ETIKA UMUM

(PERATURAN 3, AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB & SURCAJ) 2000 [AKTA 605])

SEMUA PEGAWAI DAN STAF UMPSA HENDAKLAH, PADA SETIAP MASA DAN KETIKA:

1. Memberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Yang di-Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan;
2. Mematuhi sepenuhnya undang-undang, arahan dan peraturan yang berkuat kuasa sepanjang berkhidmat di UMPSA; dan
3. Menjaga imej dan nama baik UMPSA.

INTEGRITI
TANGGUNGJAWAB
PROFESIONALISME
HORMAT

SEMUA PEGAWAI DAN STAF UMPSA TIDAK BOLEH SAMA SEKALI:

1. Mendahulukan tugas awamnya demi kepentingan persendiriannya;
2. Berkelakuan yang mungkin menyebabkan kepentingan awamnya bercanggah dengan tugas awamnya;
3. Menggunakan kedudukan awamnya bagi faedahnya sendiri;
4. Berkelakuan yang memburukkan nama perkhidmatan awam;
5. Kurang cekap/kurang berusaha;
6. Tidak jujur dan tidak amanah;
7. Tidak bertanggungjawab;
8. Menggunakan pengaruh luar untuk menyokong/memajukan tuntutannya sendiri berhubung perkhidmatan awam;
9. Ingkar perintah; dan
10. Cuai dalam menjalankan tugas.

Bersama Kita Membina UMPSA yang Berintegriti, Cemerlang & Dipercayai

AMALKAN ETIKA
JADI TELADAN
BINA KEPERCAYAAN
CAPAI KECEMERLANGAN

Kejuruteraan • Teknologi • Kreatif | Study@UMPSA

Peruntukan ini memperlihatkan bahawa integriti bukan hanya berkaitan dengan kesalahan rasuah atau penyelewengan. Ia turut merangkumi tanggungjawab melaksanakan tugas dengan cekap, menjaga amanah, mematuhi arahan yang sah serta mengelakkan tindakan yang boleh menjejaskan kepentingan dan nama baik organisasi.

Oleh itu, setiap warga universiti perlu memahami bahawa tindakan atau peninggalan dalam urusan rasmi boleh menimbulkan implikasi tatatertib sekiranya memenuhi unsur pelanggaran peraturan yang berkenaan.

Pematuhan bermula daripada tanggungjawab individu

Pematuhan yang berkesan bermula apabila setiap pegawai memahami bahawa jawatan dan kuasa yang diberikan membawa amanah yang perlu dilaksanakan secara bertanggungjawab.

Dalam urusan seharian, pegawai hendaklah memastikan tugas dilaksanakan mengikut prosedur, arahan yang sah dipatuhi dan maklumat organisasi dikendalikan secara bertanggungjawab.

Pegawai juga perlu mengelakkan konflik kepentingan, sebagai contoh, pegawai yang mempunyai kepentingan peribadi dalam sesuatu urusan rasmi perlu mengisytiharkan konflik kepentingan dan mengambil langkah sewajarnya mengikut prosedur yang berkuat kuasa.

Tindakan pencegahan seperti ini penting untuk mengelakkan pelanggaran tatakelakuan dan melindungi pegawai serta universiti daripada risiko yang boleh dielakkan.



Mematuhi peraturan bukan sekadar mengelakkan tindakan tatatertib, tetapi mencerminkan amanah dan tanggungjawab terhadap universiti.

Peranan Ketua Jabatan dalam Memastikan Pematuhan

Ketua Jabatan memainkan peranan penting dalam memastikan pematuhan terhadap peraturan

bukan sekadar dinyatakan dalam dokumen, tetapi benar-benar diamalkan oleh warga kerja selaras dengan Peraturan 21, Akta 605.

Antara tanggungjawab yang perlu diberikan perhatian ialah:

Pertama, memberikan kefahaman. Ketua jabatan perlu memastikan pegawai memahami peraturan, prosedur kerja dan kewajipan tatakelakuan yang berkaitan dengan tugas mereka.

Kedua, menunjukkan teladan. Ketua jabatan hendaklah mempamerkan integriti melalui keputusan yang adil, pengurusan yang telus dan tindakan yang konsisten dengan peraturan.

Ketiga, melaksanakan pemantauan. Proses kerja, rekod dan kawalan dalaman perlu dipantau bagi mengenal pasti kelemahan atau risiko ketidakpatuhan.

Kepimpinan yang konsisten dan adil dapat membentuk persekitaran kerja yang mengutamakan akauntabiliti serta menggalakkan warga organisasi mematuhi peraturan secara sukarela.

Pematuhan Bukan Sekadar Mengelakkan Hukuman

Matlamat pematuhan tidak seharusnya terhad kepada usaha mengelakkan tindakan tatatertib. Sebaliknya, pematuhan perlu dilihat sebagai komitmen profesional untuk menjaga kepentingan organisasi, menggunakan sumber secara bertanggungjawab dan memastikan perkhidmatan disampaikan dengan beretika.

Pada masa yang sama, sebarang dakwaan pelanggaran hendaklah dinilai secara objektif. Tidak semua kesilapan secara automatik menjadi kesalahan tatatertib; penilaian perlu mengambil kira fakta, bukti, peraturan yang berkaitan dan proses yang sewajarnya.

Pendekatan yang seimbang antara pencegahan, bimbingan, pemantauan dan tindakan yang sewajarnya akan membantu membina organisasi yang lebih berintegriti dan dipercayai.

Kesimpulannya, pematuhan terhadap Akta 605 merupakan sebahagian daripada usaha memelihara integriti, akauntabiliti dan profesionalisme dalam universiti. Setiap warga universiti perlu memahami bahawa integriti bukan hanya diukur melalui pencapaian kerja, tetapi juga melalui cara tugas dilaksanakan, keputusan dibuat dan amanah dipelihara. Mematuhi Akta 605 ialah tanggungjawab bersama. Membudayakan integriti pula memerlukan komitmen berterusan daripada setiap individu dan seluruh organisasi.



Oleh: Nurul Syahida Suhaimin

E-mel: syahidasuhaimin@umpsa.edu.my

Ketua

Unit Integriti dan Pematuhan

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

- 9 views

View PDF